

PESANAN KHIDMAT MASYARAKAT HASiL:

WASPADA PERANGKAP SCAMMER

Seiring dengan hasrat kerajaan menjadikan Malaysia antara 20 negara teratas dalam teknologi kecerdasan buatan (AI), kes penipuan atau *scammer* juga tidak lari berkembang dengan pesat dan menjadi semakin canggih hingga sukar dikesan. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) juga tidak terkecuali dikaitkan dengan sindiket penipuan tersebut hingga menyebabkan orang ramai keliru dan tertipu. Sindiket penipuan ini menggunakan kaedah teknologi terkini bagi memperdaya mangsa dengan pelbagai modus operandi. Walaupun banyak tangkapan dilakukan oleh pihak berkuasa dan disiarkan di media massa, namun kes penipuan *scammer* tetap berlaku dan angka kes meningkat saban tahun.

Sehubungan itu, HASiL ingin mengingatkan orang ramai agar berhati-hati dengan sebarang bentuk emel, pautan yang mencurigakan dan panggilan telefon berhubung isu-isu percukaian serta Bantuan Khas Kerajaan. Orang ramai disarankan agar tidak mengisi atau memberi sebarang maklumat peribadi di laman sesawang/pautan atau panggilan telefon yang meragukan agar data peribadi tersebut tidak disalahgunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Beberapa siri hebahan peringatan kepada orang ramai juga telah dikeluarkan oleh HASiL menerusi kenyataan media, video kesedaran cukai dan infografik berkaitan sindiket penipuan *scammer* dari semasa ke semasa. Justeru, orang ramai dinasihatkan agar membuat sebarang semakan maklumat berkaitan percukaian menerusi saluran yang sah seperti berikut:

- i. Portal rasmi HASiL di www.hasil.gov.my;
- ii. Portal MyTax di <https://mytax.hasil.gov.my>;
- iii. HASiL Contact Centre (HCC) di talian 03- 8911 1000; dan
- iv. Berkunjung ke pejabat HASiL berhampiran.

HASiL turut mengalu-alukan kerjasama daripada orang awam untuk menyalurkan sebarang maklumat berkaitan aktiviti-aktiviti *scammer* atau membuat laporan kepada pihak berkuasa agar tindakan pantas dapat diambil bagi membenteras perkara ini. Sebagai maklumat tambahan, HASiL adalah terikat dengan peruntukan kerahsiaan maklumat percukaian di bawah Seksyen 138 Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 di mana setiap maklumat peribadi pembayar cukai tidak akan dihebahkan kepada pihak ketiga sewenang-wenangnya.

Untuk sebarang pertanyaan serta maklum balas, sila hubungi kami menerusi:

- a) Hasil Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; atau
- c) Borang Maklum Balas di Portal Rasmi HASiL di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>

SEKIAN, TERIMA KASIH.

ESCALATE THE PASSION

Dikeluarkan oleh:

**Jabatan Khidmat Korporat
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 30 Ogos 2024



@HASiL_Malaysia



@HASiL_Malaysia



@hasil_malaysia



@HASiL_Malaysia



@hasil_malaysia